

Aplikasi *Tabayyun* dalam Penerimaan Hadis dan Kepentingannya dalam Mengekang Penyebaran Hadis Palsu di Malaysia

Application of Tabayyun and Its Importance in Limiting the Spreading of Fabricated Hadis in Malaysia

Nur Afifi Bin Alit¹, Shumsudin Yabi², Mohd Yusuf Ismail³

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan, emel: tolibhadith90@gmail.com, no. Tel: 018-2877370.

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan, emel: shumsudin@usim.edu.my, no. Tel: 019-3530115.

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan, emel: yusufismail@usim.edu.my, no. Tel: 019-012-4476401.

ABSTRAK

Hadis merupakan sumber kedua terpenting dalam Islam. Namun, latarnya yang berbeza dengan al-Quran selain suasana perkembangannya memperlihatkan kemasukan hadis palsu yang bercampur dengan hadis yang boleh diterima sebagai hujah, sehingga menyebabkan para ulama sejak zaman berzaman telah memberikan fokus dalam usaha memelihara ketulenan hadis daripada dicemari oleh anasir luar. Antara kaedah penting yang diberi perhatian adalah kaedah tabayyun dalam menerima sesuatu hadis yang bertujuan memelihara ketepatan makna hadis yang disampaikan sebelum disebarkan kepada pihak lain. Sebaliknya, pengabaian kepada konsep ini berupaya menjejaskan keabsahan sesuatu hadis disebabkan kegopohan dalam menerimanya tanpa sebarang proses tapisan. Justeru, kajian ini akan menerangkan konsep tabayyun dan aplikasinya dalam penerimaan hadis selain kepentingannya dalam mengekang penyebaran hadis palsu dalam masyarakat yang semakin menular mutakhir ini. Pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen kepustakaan digunapakai bagi memperolehi data-data kajian, dan kemudiannya dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan aplikasi konsep tabayyun ini dapat menjadi kaedah berkesan dalam menyekat penyebaran hadis palsu di Malaysia, melihat kepada beberapa kepentingannya antaranya dalam memastikan ketulenan sesuatu berita yang diterima, menghidupkan sunnah para ulama terdahulu, mendidik sikap berhati-hati, melatih ketelitian penyampai berita, dan mengelak salah faham dalam penerimaan hadis. Pengaplikasian konsep ini penting kerana dapat membantu dalam mengekang penyebaran maklumat palsu yang semakin mudah tersebar akibat lambakan medium penyampaian maklumat hasil perkembangan teknologi terkini.

Kata kunci: Aplikasi tabayyun, penerimaan hadis, penyebaran hadis palsu, di Malaysia

ABSTRAK

Hadis is the second most important source in Islam. However, its origin differs from al-Quran. As time passes, it gains more progress and fabricated hadis can be found mixed in with the accepted hadis. This causes the distinguished Ulama to focus more in countering the

issue to preserve the authenticity of hadis from being contaminated by unneeded substance. The method that is given priority is tabayyun, whereby it is used to acknowledge a hadis with the intention to preserve the accurate meaning of the hadis from being changed by narrators. However, disregarding this concept could affect the legitimacy of a hadis because the hadis is delivered in a rush without going through the filtering process. Therefore, this study will explain the concept of tabayyun and its application in acknowledging hadis as well as its importance in preventing the spread of fabricated hadis in society. This qualitative study uses the document analysis method to collect data which is later analysed using the descriptive method. The result of the study found that the application of tabayyun can be an effective way to prevent the spread of fabricated hadis in Malaysia because of its features that helps identify the authenticity of hadis, revitalize the sunnah of the previous Ulama, instill caution, prepare the narrator to be precise, and prevent misunderstanding when receiving information. The application of this concept will help prevent the spread of fake information because, in this day and age, information is easily shared across various medium due to modern technology.

Keywords: Application of tabayyun, receiveing hadis, dispersion of fabricated hadis, in Malaysia.

Received: February 03, 2023

Accepted: May 18, 2023

Online Published: May 30, 2023

1. Pendahuluan

Hadis merupakan sumber utama dalam Islam selepas al-Quran. Peranannya yang besar melibatkan perakuan, penerangan dan perincian, atau pertambahan hukum yang terdapat dalam al-Quran memerlukan ketulenannya dipelihara dan keabsahannya dikekalkan daripada kemasukan anasir luar yang berupaya merosakkan kemuliaannya. Antaranya adalah kemunculan hadis palsu yang bermula disebabkan pertikaian politik yang berlaku pada penghujung pemerintahan Uthman bin Affan sehinggalah berlanjutan kepada sebab-sebab yang terdiri daripada pelbagai bentuk (al-Sibā'i, 1982).

Selain itu, perkembangan semasa yang melatari hadis seperti kemunculan medium penyampaian maklumat terkini seiring perkembangan teknologi semasa telah menyaksikan penyebaran hadis palsu menjadi lebih mudah dan pantas pada zaman kini. Oleh itu, al-Zahrāni (1996) telah menekankan keperluan terhadap kaedah *tabayyun* yang berupaya menjadi pengawal yang efektif seperti yang telah dilakukan oleh Muḥaddithīn terdahulu dalam menjamin ketulenan hadith yang disampaikan. Sebaliknya, pengabaian terhadap kaedah ini merupakan antara sebab utama tersebarnya hadis palsu dalam kalangan masyarakat, terutamanya melihatkan kepelbagaian medium penyampaian maklumat pada masa kini.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menerangkan konsep *tabayyun* dan aplikasinya dalam penerimaan hadis, juga menjelaskan senario penyebaran hadis palsu di Malaysia. Hal ini supaya dapat memenuhi objektif penting kajian dalam menghuraikan kepentingan konsep *tabayyun* bagi mengekang penyebaran hadis palsu di Malaysia.

2. Metodologi kajian

Pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen kepustakaan telah digunakan dalam proses pengumpulan data daripada sumber primer dan sekunder. Sumber primer seperti al-Quran, hadis dan fakta sejarah yang autentik dirujuk, selain sumber sekunder seperti jurnal, makalah, artikel, surat khabar, kertas kerja dan pembentangan bagi mendapatkan data yang menyeluruh dan dapat memenuhi objektif kajian yang dibentuk. Manakala proses analisis data telah menggunakan kaedah deskriptif dalam menghuraikan kepentingan konsep *tabayyun* dalam mengekang penyebaran hadis palsu di Malaysia.

3. Perbincangan Hasil Kajian

3.1 Konsep dan Aplikasi Kaedah *Tabayyun* dalam Penerimaan berita

Kaedah *tabayyun* merupakan suatu usaha dalam memastikan ketulenan berita yang diterima. Ia merupakan kaedah Islam yang bertujuan untuk memastikan ketepatan sesuatu fakta yang diterima, dan mengelakkan seseorang agar tidak termasuk dalam golongan yang menyampaikan sesuatu berita yang tidak pasti. Pensyariatannya dapat dilihat menerusi al-Quran seperti yang dijelaskan oleh Allah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang beriman, Sekiranya datang kepada kamu seorang fasiq yang membawa khabar berita, maka selidiklah terlebih dahulu agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu”

(Al-Hujurat: 6)

Al-Ṭabari (2001) menjelaskan kalimah فَتَبَيَّنُوا juga dibaca dengan qiraat yang lain iaitu فَتَبَيَّنُوا yang bermaksud memberi tempoh sehingga diketahui kesahihannya, dan tidak gopoh dalam menerimanya sebagai berita yang benar. Tambahan pula, saranan untuk menggunakan kaedah ini juga dapat dilihat daripada perbuatan Rasulullah ketika didatangi oleh Mā'iz bin Mālik yang mengaku di hadapan baginda akan perbuatan zinanya. Maka Nabi memintanya beristighfar sehingga baginda dapat melakukan proses *tabayyun* terhadap kesahihan berita tersebut. Malah, apabila Mā'iz datang kepadanya pada kali keempat, baginda bertanya kepadanya beberapa soalan sebagai usaha untuk mendapat kepastian bahawa perbuatan zina itu benar-benar berlaku sehinggalah apabila disahkan kebenarannya, maka baginda menghukum Mā'iz dengan hukuman rejam (Muslim, no: 1695).

Konsep ini juga dapat dilihat menerusi pesanan Rasulullah mengenai seseorang yang menyampaikan setiap berita yang didengarinya tanpa dilakukan proses semakan terlebih dahulu, maka itu sudah cukup untuk dia dikenali sebagai seorang pendusta (Muslim, no: 10). Al-Nawawi (1972) menjelaskan bahawa dalam kesemua berita yang disampaikan, terdapat percampuran di antara berita yang benar dan palsu, sehingga memasukkannya ke dalam golongan yang berdusta ketika menyampaikan kandungan berita yang dusta tersebut, walaupun dia tidak sengaja dalam melakukannya.

Selain itu, pendekatan konsep ini juga diaplikasi oleh para Sahabat r.a. seperti yang ditunjukkan oleh Abu Bakar dalam kisah tuntutan seorang nenek berkenaan hak harta pewarisannya. Tatkala Mughīrah bin Syu‘bah menjadi saksi akan thabitnya hak satu perenam bagi nenek tersebut melalui hadis Nabi, maka Abu Bakar memintanya untuk mendatangkan saksi bagi mengesahkan kesahihan hadis yang dibawa sehinggalah datang Muhammad bin Maslamah lalu memberikan pengesahannya (Tirmizi, Kitab Farāidh, Bab Ma Ja’a Min Mirāth al-Jaddah no: 2101; Abu Dāud, Kitab Farāidh, Bab Mirāth al-Jaddah, no: 2894).

Namun begitu, perlu dijelaskan bahawa walaupun kaedah ini tidak terpakai secara meluas ketika permulaan zaman periwayatan hadis kerana tidak terdapat faktor keperluan yang mendesak, selain keistimewaan para sahabat yang sangat berhati-hati dalam menyampaikan hadis, namun batu asas yang diletakkan mereka menjadi panduan kepada umat Islam seterusnya dalam berinteraksi dengan sesuatu berita yang diterima, terutamanya pada zaman kini yang memperlihatkan kemunculan pelbagai medium baru dalam penyampaian maklumat akibat perkembangan teknologi maklumat yang pesat seperti media massa elektronik.


3.2 Aplikasi Pelaksanaan *Tabayyun*

Penggunaan sarana yang sesuai dalam mengaplikasikan kaedah *tabayyun* ini adalah mengikut keperluan dan kemudahan tersedia pada zaman tersebut. Adapun pada zaman para salaf, kaedah yang sering digunakan adalah dengan bertanya mengenai sanad hadis yang dibawa oleh seseorang perawi. Ia bagi menilai status hadis tersebut dengan merujuk kepada sanad samada diriwayatkan oleh perawi yang berkredibiliti atau sebaliknya. Sekiranya hadis yang dibawa tidak memiliki sanad, ini boleh menjadi bukti mudah bagi menolak kesahihan sesuatu hadis seperti yang dilakukan oleh al-Zuhri apabila mengingkari hadis yang disampaikan oleh Ibn Abi Farwah, disebabkan ketiadaan sanad yang menjadi pengukur kesahihan hadis yang disampaikannya (Ibn Hibbān, 1976).

Tambahan pula, metode kritikan terhadap perawi hadis juga dilakukan bagi memastikan sesuatu hadis itu tidak diriwayatkan oleh perawi yang tidak berkredibiliti yang berupaya menjadikan hadis tersebut berubah status menjadi hadis lemah atau palsu. Kesalahan perawi semasa periwayatan mereka didedahkan dan dinilai dari pelbagai sudut seperti tahapnya samada ringan atau berat dan samada dilakukan secara sengaja atau tersalah. Al-Dhahabi (1992) menjelaskan bahawa proses yang dikenali sebagai *al-Naqd ini* adalah senario biasa pada zaman tersebut sebagai usaha menjaga kesucian hadis Nabi dan memelihara ketulenannya, malah mereka menilainya sebagai suatu nasihat untuk Allah dan rasulNya, dengan syarat ia dilakukan secara adil dan teliti oleh mereka yang berkemahiran.

Selain itu, kaedah *tabayyun* pada masa kini boleh dipelbagaikan seiring dengan perkembangan semasa, antaranya adalah dengan merujuk buku-buku yang membantu dalam isu yang diselidik, bertanya kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dalam maklumat yang diterima, dan melakukan proses penyelidikan sendiri melalui carian di internet samada melalui medium blog, portal atau laman web yang menjawab persoalan yang ditanya secara khusus. Ringkasan berkenaannya adalah seperti dalam gambar rajah berikut:

Rajah 1: Bentuk Aplikasi Tabayyun pada Masa Kini



Namun begitu, harus dipastikan agar kaedah yang digunakan ketika merujuk kepada sumber sekunder ini harus dipastikan kredibiliti sumber tersebut agar tidak membawa kepada penerimaan maklumat yang ragu-ragu atau tidak tepat semasa proses semakan dilakukan. Ini meliputi buku-buku yang dirujuk, golongan berpengetahuan yang ditanyakan soalan kepadanya, dan laman sesawang yang dirujuk dalam memastikan maklumat yang diterima. Ibn Taimiyyah (1986) memperingatkan bahawa setiap bidang ilmu itu mempunyai pakar rujuknya seperti bidang hadis, nahu, syair, perubatan dan lain-lain. Justeru, mereka yang mencari kepastian perlu untuk merujuk kepada pakar yang khusus dalam bidang tersebut bagi memastikan mendapat maklumat yang tepat. Selain itu, bagi mereka yang tidak berkemahiran melakukan proses semakan sendiri, maka seharusnya tidak berpada dengan bantuan rujukan bercetak samada melalui buku atau laman sesawang yang membantu menjelaskan persoalan mereka, bahkan proses semakan seharusnya dilanjutkan dengan bertanyakan golongan berpengetahuan yang diperakui kredibiliti ilmunya, khususnya melibatkan isu yang kritikal seperti salah faham berkenaan makna sesuatu hadis dan sebagainya.

Tambahan pula, proses *tabayyun* juga boleh dilakukan menerusi penelitian terhadap latar belakang (*track record*) penyampai hadis tersebut samada pernah terlibat menyampaikan hadis yang tidak sahih kepada umum atau tidak. Sekiranya dia pernah terpalit sebelum ini dengan sebarang isu yang melibatkan pelanggaran disiplin dalam berinteraksi dengan hadis, maka ini boleh menjadi sebab untuk seseorang berhati-hati dengan hadis yang disampaikannya. Adapun sekiranya dia telah diperakui bertaubat daripada sebarang kelalaian yang pernah dilakukan melibatkan etika penyampaian hadis, maka sewajarnya sikap berhati-hati juga diambil, dalam memastikan kesahihan hadis yang disampaikannya dengan merujuk kepada sumber yang lain. Kaedah melihat latar perawi ini selari dengan amalan ulama hadis terdahulu, iaitu dengan mengambil kira perbezaan tahap bagi setiap penyampai hadis berdasarkan keilmuannya atau tujuannya ketika menyampaikan hadis tersebut. Justeru, Imam Malik menegaskan mengenai kewujudan sebahagian golongan yang tidak wajar diambil ilmu daripadanya; seperti mereka yang bodoh yang dikenali kebodohnya (dalam ilmu) walaupun dia seorang yang kerap menyampaikan ilmu, dan mereka yang terdiri dari ahli ibadah dan terzahir padanya kebaikan, namun tidak mengetahui apa yang mereka sampaikan (Al-Rāmahurmuzi, 2016).

Namun begitu, proses penelitian yang dilakukan tidak bermaksud seseorang penyampai hadis itu tidak boleh terpalit dengan sebarang kesalahan atau pelanggaran etika dalam penyampaian hadis sebelum ini, memandangkan tabiat manusia tidak lari daripada kesalahan. Namun, penilaian dilakukan terhadap dominasi rekod yang melatarinya samada kebenaran atau kesalahan yang dilakukan. Oleh kerana itu, Ibn Mahdi menjelaskan bahawa

golongan penyampai hadis ini terbahagi kepada tiga iaitu pertama: Mereka yang kuat ingatan dan teliti, kedua: Mereka yang pernah melakukan kesalahan dalam penyampaian hadis namun dominasinya adalah menyampaikan hadis yang sahih, dan ketiga: Mereka yang sering melakukan kesalahan. Ibn Abi Hātim (1952) mengulas lanjut bahawa adapun mengenai golongan pertama, tiada perbezaan pendapat dalam memberi keizinan untuk mengambil hadis daripadanya, manakala golongan kedua juga tidak ditinggalkan periwayatan hadis daripadanya, sebaliknya golongan ketiga ini ditinggalkan hadis yang disampaikannya kerana rekodnya yang buruk dalam penyampaian hadis.

3.3 Penyebaran Hadis Palsu di Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya

Kajian Faisal Ahmad Shah (2017) mendapati penyebaran hadis palsu di Malaysia adalah berpunca daripada kurangnya penekanan terhadap ilmu hadis pada awal perkembangan Islam di Malaysia. Ini kerana, karya awal berkaitan agama Islam di Malaysia didominasi oleh bidang aqidah, tasawuf dan fiqh, iaitu pada kurun ke 17 sehingga kurun ke 19. Situasi ini berlaku akibat daripada Ulama Tanah Melayu ketika itu yang mendapat pendidikan di Timur Tengah lalu terpengaruh dengan perkembangan pesat ketiga-tiga lapangan ilmu ini di sana. Hasilnya kitab-kitab Arab yang dibawa ke Tanah Melayu dan dipilih untuk diajar di pusat pengajian rasmi dan tidak rasmi mengandungi kandungan hadis yang tidak berautoriti seperti seperti kitab Ihya' 'Ulūmuddin oleh Imam al-Ghazali.

Selain itu, Jawiah Dakir (2014) menjelaskan bahawa kitab yang dikarang oleh Ulama Nusantara ketika itu samada yang berbahasa Arab atau Melayu juga dijadikan rujukan masyarakat Islam, walaupun didapati mengandungi hadis-hadis yang tidak berautoriti antaranya kitab al-jawhar al-Mauhub oleh Syeikh Ali al-Kelantani. Walau bagaimanapun, menelusuri kurun ke 19, perkembangan ilmu hadis mula dilihat melalui pengajaran disiplin ilmu ini samada dari aspek riwāyah atau dirāyah, walaupun penulisan dan karya berkenaannya agak perlahan sehingga kurun ke 20.

Kajian Fauzi Deraman (2009) mendapati bahawa keprihatinan yang ditunjukkan Ulama Tanah Melayu terhadap keperluan mempelajari hadis, maka penulisan berkenaan hadis mula berkembang dan boleh dikategorikan kepada beberapa kategori iaitu:

- i. Kitab Jawi yang menghimpunkan hadis pilihan daripada pelbagai kitab hadis.
- ii. Kitab Jawi yang menghimpunkan dan mensyarahkan hadis pilihan.
- iii. Kitab Jawi terjemahan daripada kitab hadis beserta syarahan.
- iv. Kitab Jawi terjemahan tanpa syarahan.
- v. Kitab yang menghimpunkan hadis daripada pelbagai bidang.
- vi. Kitab yang membincangkan ilmu mustalah hadis.

Selain itu, penyebaran hadis palsu di Malaysia juga dilihat bukan sahaja melibatkan sumber bahan bercetak seperti buku, jurnal dan surat khabar sahaja, tetapi merangkumi sumber bahan elektronik melibatkan media massa seperti siaran radio dan rancangan televisyen. Muhammad Zaki & Mazni Buyong (2011) menjelaskan bahawa kewujudan rancangan-rancangan penyiaran berorientasikan Islam semakin banyak hasil peningkatan minat masyarakat Islam di Malaysia terhadapnya sehingga mendorong stesen-stesen TV menerbitkan rancangan sedemikian bagi memenuhi citarasi mereka. Namun begitu, terdapat

penyampai rancangan yang tidak berhati-hati dalam penyampaian isi kandungan yang melibatkan hadis sehingga mengguna pakai hadis yang tidak berautoriti lalu menyebabkan kekeliruan pemahaman penonton. Kebimbangan ini terbukti melalui kajian Jawiah Dakir et al, (2009) apabila menemui sejumlah hadis palsu daripada pelbagai bidang ilmu yang tersebar dalam masyarakat Melayu termasuk dalam rancangan keagamaan popular ketika itu seperti Forum Perdana Hal Ehwal Islam JAKIM.

Faisal Ahmad Shah (2016) pula menjelaskan punca masalah yang berlaku adalah kerana keengganan penyampai rancangan untuk merujuk kepada sumber yang muktabar dalam pengambilan hadis, sebaliknya menjadikan sumber sekunder yang tidak berorientasikan bidang hadis sebagai rujukan. Selain itu, Faisal juga mendapati kesalahan ketika penyampaian sesuatu hadis juga boleh berlaku akibat daripada kaedah penterjemahan dan proses peringkasan hadis yang tidak tepat, pengambilan hadis masyhur yang tidak dipastikan statusnya, dan kesalahan penisbahan hadis kepada Nabi S.A.W. Permasalahan ini menjadi lebih meruncing apabila golongan penyampai hadis palsu ini mempunyai latar belakang keagamaan atau kemasyhuran dalam lapangan dakwah, menyebabkan penonton menerima sepenuhnya maklumat yang disampaikan oleh mereka dengan sangkaan baik terhadap kredibiliti yang mereka miliki (Ariffin et al., 2016).

Tambahan pula, perkembangan teknologi yang semakin pesat menyaksikan penggunaan internet yang meluas sebagai kaedah penyebaran maklumat. Medium seperti blog, portal, laman sesawang dan media sosial telah digunakan sebagai landasan penyebaran agama. Yusof Ismail (2011) menerangkan bahawa kerancakan fenomena ini adalah kerana kewujudan spesifikasi menarik yang terdapat dalam kemudahan seperti ini mampu menambah minat umat Islam di Malaysia untuk menjadikan sumber elektronik ini sebagai rujukan mudah mereka dalam urusan agama.

Namun begitu situasi ini menyukarkan apabila ketiadaan garis panduan yang menyeluruh dan mapan dalam berinteraksi dengan hadis melalui medium kontemporari ini, selain kelonggaran sistem penyeliaan dan pengawasan terhadap pelanggaran disiplin hadis yang berlaku oleh pengguna-pengguna dalam medium ini. Selain itu, Siti Aidah (2015) menegaskan bahawa undang-undang dan akta yang berkaitan dengan kandungan penyiaran Islam sedia ada tidak spesifik kepada kandungan berkaitan hadis, tetapi hanya melibatkan kandungan bidang Islam secara umum yang diketahui mencakupi pelbagai lapangan.

3.4 Kepentingan Kaedah *Tabayyun* dalam Mengekang Penyebaran Hadis Palsu di Malaysia

Pendekatan kaedah *tabayyun* seperti yang dipraktikkan oleh Ulama Hadis zaman berzaman dilihat berupaya mengekang penyebaran hadis palsu di Malaysia dengan membezakannya daripada hadis sahih. Antara kepentingan kaedah *tabayyun* dalam mengekang penyebaran hadis palsu di Malaysia adalah:

- i. Kaedah berkesan dalam memastikan ketulenan sesuatu hadis

Kesahihan sesuatu hadis adalah matlamat utama yang ingin dicapai bagi membolehkan hadis tersebut diamalkan. Oleh kerana itu, dapat dilihat para ulama salaf meletakkan pelbagai

kaedah dalam membezakan kriteria hadis dengan sebaliknya. Justeru, kaedah *tabayyun* merupakan kaedah asas yang perlu dipraktikkan sesuai dengan anjuran Allah dan RasulNya, dan perbuatan para ulama silam. Ibn Hibbān (2000) menjelaskan bahawa asas perbuatan menyemak dan menyelidik kebenaran sesuatu hadis itu dapat dilihat menerusi tindakan Umar al-Khattab dan ‘Ali b Abi Ṭālib apabila meminta orang yang menyampaikan hadis itu bersumpah akan kebenarannya bagi mengelakkan berlakunya pendustaan ke atas Nabi, walaupun diketahui para Sahabat itu mempunyai sifat ‘*adalah* (dipercayai). Malah, keperluan mengaplikasi kaedah ini semakin meningkat seiring peredaran zaman dan pertambahan golongan penyampai hadis yang tidak berkredibiliti. Oleh kerana itu, dapat dilihat metode ini semakin meluas penggunaannya selepas zaman sahabat r.a. seperti yang dijelaskan oleh Ibn Abbas kepada Basyir al-‘Adwi, iaitu apabila hadis-hadis palsu mula disebarkan melalui tangan golongan pemalsu hadis (Hafiz Hakami, t.t).

Selain itu, kaedah ini juga dapat mengenalpasti bentuk kesalahan yang dilakukan oleh penyampai hadis samada berbentuk penyampaian hadis yang tidak diketahui status kesahihannya, atau penyampaian hadis sahih yang berubah maknanya sehingga menimbulkan salah faham kepada penerima. Proses ini dapat dilakukan melalui perbandingan hadis yang diterima dengan sumber yang lain yang lebih dipercayai yang dikenali sebagai *al-Muqāranah*. Justeru para Muḥaddithīn menjadikan metode ini sebagai kaedah dalam mengenalpasti kecacatan sesebuah periwayatan dan tahap kesalahan yang dilakukannya seperti yang dilakukan Ibn Ma‘īn (2009) terhadap hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Ulayyah. Tambahan pula, punca kesalahan juga dapat dikenalpasti seterusnya mempermudah proses pembetulan maklumat dilakukan sebelum disampaikan kepada pihak yang lain.

ii. Menghidupkan amalan Ulama Salaf

Para ulama hadis terdahulu terkenal dengan sikap keprihatinan dan ketelitian mereka dalam memelihara ketulenan hadis. Kesungguhan mereka dalam memastikan hadis tidak dicemari dengan perbuatan perawi yang tidak berkredibiliti dapat dilihat menerusi kemunculan ilmu-ilmu yang pelbagai dalam bidang hadis seperti ilmu *Mustalah* (kajian status hadis), ilmu *Jarh* dan *Ta‘dīl* (kritikan terhadap perawi), ilmu *Takhrīj* (perekodan jalur hadis), ilmu Rijāl (kajian terhadap latar belakang perawi) dan ilmu *Naqd* (kritikan terhadap kecacatan hadis).

Selain itu, karya-karya bermutu tinggi yang dihasilkan sebagai peninggalan legasi ilmu yang besar telah mendidik umat Islam selepasnya agar menghargai warisan Islam terhebat ini. Kesungguhan ini bertitik tolak daripada ketidaksanggupan mereka dalam menjadikan Nabi sebagai musuh mereka di akhirat tatkala dipersoalkan akan keenganan mempertahankan hadis baginda dari pemalsuan seperti yang dijelaskan oleh Yahya al-Qaṭān mengenai kritikan yang dilakukan oleh Ulama hadis seolah-olah menjadikan mereka musuh di akhirat (Ibn ‘Adi, 1997). Malah, Nūriddin ‘Itr (1981) menegaskan bahawa tugas berat ini dilakukan semata-mata untuk memastikan status maklumat yang benar dan salah dapat diperjelaskan, seterusnya tidak memberi ruang eksploitasi kepada musuh Islam untuk mencemarkan kesucian wahyu ini dengan anasir-anasir luar yang berupaya menjatuhkan kredibiliti Islam. Oleh kerana itu, tugas ini dianggap sebagai nasihat kepada agama, dan bukan perkara sia-sia yang hanya mendatangkan dosa dan rasa penat kepada mereka.

iii. Mendidik sikap berhati-hati dalam menerima hadis

Sikap berhati-hati sangat penting untuk dipraktikkan terutamanya ketika menerima dan menyampaikan sesuatu hadis. Imam Shāfi'i (1938) menjelaskan bahawa pendekatan yang diambil Umar al-Khattāb ketika meminta penyaksian sahabat yang lain terhadap hadis yang disampaikan oleh Abu Musa Al-'Asy'ari menjadi panduan penting terhadap keperluan mengaplikasi konsep *tabayyun* dalam situasi sedemikian. Ini kerana, walaupun Abu Musa Al-'Asy'ari diketahui mempunyai kedudukan yang mulia sebagai seorang sahabat, namun tindakan Umar adalah untuk menunjukkan sikap berhati-hati dan bukan bertujuan mengkritik kredibiliti sahabat yang lain seperti yang dijelaskan sendiri oleh beliau.

Selain itu, Nūriddin 'Itr (1988) menegaskan bahawa para sahabat sememangnya dikenali sebagai golongan yang paling bersungguh-sungguh dalam menyampaikan hadis Nabi kepada golongan selepasnya dan sanggup berkorban segalanya untuk memastikan wahyu ini terpelihara sehingga diberikan gelaran '*adālah* (dipercayai) kepada mereka. Namun begitu, mereka juga sangat berhati-hati dalam setiap periwayatan mereka agar tidak tersalah ketika menyampaikan hadis sehingga terdapat di antara mereka yang berubah wajahnya saat menyampaikan sesuatu hadis. Ini kerana, ilmu hadis merupakan salah satu cabang agama yang sangat penting sehingga menuntut sikap yang lebih teliti, sebaliknya pengabaian kepada kredibiliti penyampai berupaya menjerumuskan seseorang untuk beramal dengan dalil agama yang salah dan ragu-ragu. Ia seperti dijelaskan oleh Ibn Mubārak melalui kata-katanya: "Sesungguhnya Ilmu (Sanad) ini adalah agama, Justeru, lihatlah daripada siapa kamu mengambil agamamu" (Ibn Sa'ad, 1990).

Sewajarnya sikap berhati-hati ini dipraktikkan oleh semua yang berkeinginan melibatkan diri dalam menyampaikan ilmu agama terutamanya yang melibatkan penggunaan hadis Nabi. Sekiranya pendekatan yang sama diambil oleh para sahabat sehingga menyebabkan terdapat di kalangan mereka yang sedikit meriwayatkan hadis seperti yang dijelaskan oleh Anas bin Mālik kerana takut tersalah dalam penyampaiannya (Dārimi, 2000), apatah lagi generasi selepasnya yang pastinya tidak setanding mereka dalam urusan beragama.

Selain daripada itu, perlu dijelaskan bahawa mereka yang mengaplikasikan kaedah ini tidak seharusnya berasa sesal dan bersalah atas sikap yang diambil. Ini kerana, keperluannya sangat penting dalam memastikan kedudukan hadis terus dipelihara, dan disanjung tinggi seiring dengan tempat yang telah dimuliakan oleh Allah dan RasulNya. Oleh itu, bagi memastikan tujuan murni ini tercapai, proses *tabayyun* yang dilakukan tidak boleh dianggap sebagai usaha mempersoalkan kredibiliti penyampai hadis tersebut, atau meragui kejujurannya seperti yang dijelaskan oleh Umar al-Khattāb apabila beliau ingin memastikan kebenaran hadis berkenaan meminta izin sebelum memasuki rumah seperti yang disampaikan oleh Abu Mūsa al-'Asy'ari melalui pertanyaannya kepada saksi yang lain, beliau berkata: "Sesungguhnya aku tidak mentohmah (kejujuran)mu, tetapi aku hanya takut sekiranya (aku tidak melakukan sedemikian) orang akan menyandarkan kepada Nabi kata-kata yang bukan daripadanya" (Mālik, Muwatta, Kitab al-Isti'zān, Bab al-Isti'zān, no: 3).

iv. Melatih ketelitian penyampai hadis

Antara kesan penting sekiranya konsep *tabayyun* diaplikasikan adalah melatih sikap waspada penyampai hadis, bagi mengelakkan hadis yang disampaikan dipersoal, seterusnya menjadi rekod buruk kepada dirinya sehingga boleh menghilangkan kepercayaan orang lain kepadanya. Sekiranya seseorang penyampai hadis berterusan dalam melanggar disiplin periwatan, maka hadis yang disampaikan boleh ditinggalkan dan tidak perlu diberi perhatian sewajarnya. Pendekatan ini pernah diambil oleh Ibn Abbas apabila tidak menghiraukan Basyīr al-‘Adawi yang menyampaikan hadis Nabi, sehingga apabila ditanya mengenai tindakannya itu, beliau menjawab bahawa pada masa dahulu para sahabat sangat cakna apabila sesuatu hadis disampaikan, namun setelah zaman berlalu dan golongan yang tidak teliti (dalam periwatan) mula menyampaikan hadis, maka mereka hanya mengambil hadis daripada orang yang dikenali (Muslim, no: 13).

Selain itu para Muḥaddithīn juga mengambil pendekatan sama terhadap perawi yang dikenali dalam meriwayatkan hadis-hadis yang diingkari kesahihannya, sebagai respon kepada penolakan periwatannya dan sikap tidak setuju terhadap keterlanjutannya dalam periwatan seperti yang dijelaskan Ibn Hajar (1908) terhadap penolakan yang berlaku kepada Mina’ b Abi Mina al-Zuhri. Ini akang mengakibatkan kebimbangan yang tercetus dalam setiap penyampai hadis sekaligus mampu mengelakkan dirinya dari bersikap semberono dan terburu-buru dalam menyampaikan sesuatu hadis sebelum menyemak kesahihannya, melainkan setelah dia mengetahui proses semakan akan dilakukan oleh orang yang akan menerima hadis tersebut.

Selain itu, melalui proses *tabayyun* juga dapat memberi ruang kepada penyampai untuk memperbetulkan kesalahannya dan tidak mengulangnya lagi. Ini kerana sesuatu kesalahan tidak akan dapat dikenalpasti andai proses *tabayyun* tidak dilakukan, sehingga mengakibatkan para penyampai merasakan mereka berada di atas landasan yang betul sedangkan realitinya adalah bercanggah dengan perkara tersebut. Namun, sekiranya para penyampai berterusan melakukan kesalahan setelah diperbetulkan, maka proses seterusnya yang lebih ketat perlu dilakukan bagi menyekat penglibatan golongan ini dalam menyampaikan hadis seperti yang dicadangkan oleh Suyūṭi (1974) kepada golongan yang berterusan menyampaikan hadis palsu di zamannya.


v. Mengelak salah faham akibat penolakan sesuatu hadis tidak berautoriti

Apabila berlaku penolakan terhadap sesuatu hadis yang disampaikan setelah proses *tabayyun* dilakukan, maka tuntutan bukti merupakan suatu elemen penting dalam membuktikan dakwaan tersebut. Ini kerana penolakan yang tidak disertai dengan bukti dakwaan akan memungkinkan berlakunya salah faham seperti dakwaan menolak sesuatu hadis Nabi untuk diamalkan, meragui kredibiliti penyampai, atau malas dalam mengamalkan kandungan hadis yang disampaikan. Tambahan pula, suasana pada masa kini yang memperlihatkan penglibatan ramai pendakwah dan golongan yang bersemangat untuk bercerita mengenai agama menyebabkan terdapat daripada kalangan mereka yang tidak mahir dalam ilmu hadis telah terlibat dalam bidang dakwah. Hakikatnya, penyampai hadis perlu memahami bahawa penolakan terhadap hadis yang disebabkan kecacatan yang berlaku bukanlah bererti penolakan terhadap Nabi, apatah lagi membawa makna keengganan melaksanakan sunnah

Nabi, sebaliknya penolakan terhadap sesuatu hadis samada yang berlaku disebabkan kecacatan pada sanad atau matan sehingga menghilangkan autoritinya adalah merupakan usaha untuk mengangkat martabat hadis Nabi, dan mempertahankan kemuliaannya.

Adapun, penolakan para *Nuqqad* terdahulu terhadap hadis dengan tidak mendatangkan bukti, ia dapat difahami melalui keahlian dan kepakaran mereka dalam bidang tersebut sehingga memungkinkan untuk diterima pandangan tersebut walaupun tanpa diketahui dalil penolakannya. Namun begitu, ia tidak bermaksud penolakan mereka tidak ditunjangi dengan bukti sama sekali, namun ianya terhasil setelah proses pengalaman yang panjang, hafazan yang banyak dan kefahaman yang mendalam seperti yang dijelaskan oleh al-Hākīm (1977) dengan menyandarkan perkataan Ibn Mahdi bahawa proses ini diibaratkan sebagai suatu ilham. Selain itu, Ibn Rajab (٢٠٠١) pula membandingkan perumpamaan yang diberikan adalah seperti pemeriksa ketulenan emas yang telah bergelumang dalam tempoh yang lama dalam dalam bidang tersebut. Kepakarannya membolehkan mereka mengenalpasti status palsu sesuatu emas itu dengan hanya melihatnya, walaupun dengan tidak melakukan semakan secara terperinci, dan tidak mendatangkan hujah ke atas dakwaanya itu, namun ia sudah memadai untuk diterima pendapatnya atas kepercayaan terhadap kepakarannya. Ringkasan berkenaan peranan aplikasi *tabayyun* dalam mengekang penyebaran hadis palsu di Malaysia dapat dilihat menerusi rajah berikut:

Rajah 2: Peranan Aplikasi *Tabayyun* dalam Mengekang Penyebaran Hadis Palsu di Malaysia



4. Kesimpulan

Islam mengajar sikap berhati-hati dalam menyampaikan sesuatu berita agar dapat dipastikan kesahihannya, apatah lagi sekiranya melibatkan dalil agama seperti hadis Nabi. Ini kerana, terdapat larangan khusus untuk mereka yang menyampaikan hadis yang dilihat palsu, maka dia tergolong dalam kalangan salah seorang pendusta (Muslim, no: 7). Sulaiman Nasir (1996) menerangkan bahawa zahir hadis ini menunjukkan bahawa sesiapa yang tidak pasti akan status kesahihan sesuatu hadis, namun tetap menyampaikannya kepada orang lain tanpa dilakukan semakan terlebih dahulu, maka dia termasuk dalam kalangan salah seorang pendusta. Malah al-‘Irāqi (2001) menjelaskan bahawa penyampai hadis yang tidak mengetahui kesahihan hadis tersebut adalah berdosa walaupun secara kebetulan hadis tersebut berstatus sahih. Ini kerana dia telah menyampaikan sesuatu yang dia tiada pengetahuan tentangnya. Selain itu, kesan buruk yang terhasil akibat hadis palsu yang

tersebar adalah lebih bahaya dan tidak terhad kepada penyebarannya sahaja, malah merangkumi orang Islam yang percaya dengan kebenaran hadis tersebut dan mengamalkannya dalam kehidupan mereka tanpa melakukan proses *tabayyun*.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim Pimpinan al-Rahman
Abu Dāud, Sulaiman bin Asy'ath. (2009). *Sunan Abu Dāud*. Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamīyyah.
- Aidah, S., & Suliaman, I. (2015). Fabricated Hadis In Malaysia’s Television Programmes: A Study In Establishing A Broadcasting Guideline And Code Of Ethics Related To Sunnah Nabawi. Dlm. Khader Ahmad, Faisal Ahmad Shah & Monika Abd Razzak (pnyt.) *Salah faham terhadap sunnah isu dan penyelesaian*. (ms. 321-330). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Dārimi, Abdullah bin Abdul Rahman. (2000). *Musnad Dārimi*. Riyāḍ: Dār al-Mughni.
- Al- Dhahabi, Muhammad bin Ahmad. (1992). *Al-Mūqīzah fī ‘Ilm Mustalah*. Halab: Maktabah al-Maṭbu‘ah al-Islāmiyyah.
- Al-Hākīm, Muhammad bin Abdullah. (1977). *Ma‘rifah Ulūm al-Hadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Jurjāni, Abu Ahmad bin ‘Adi. (1997). *Al-Kāmil fī Du‘afa al-Rijāl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. (1972). *Syarh al-Nawawi ‘ala Muslim*. Beirut: Dār Ihya al-Turāth.
- Al-Rāmahurmuzi, Hasan bin Abdul Rahman. (2016). *Al-Muḥaddith al-Fāsil baina al-Rāwī wa al-Wā‘ie*. Qaherah: Dār al-Zakhā’ir.
- Al-Sibā‘i, Mustafa bin Hasani. (1982). *Al-Sunnah wa Makānatuha fī al-Tasyrī‘ al-Islāmi*. Damsyik: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Syāfi‘e, Muhammad bin Idris. (1938). *Al-Risālah*. Qāherah: Mustafa al-Halabi.
- Al-Shāṭibi, Ibrahim bin Musa. (1992). *Al-I‘tiṣām*. Riyāḍ: Dār Ibn ‘Affān.
- Al-Ṭabari, Muhammad bin Jarir. (2001). *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Takwīl al-Qur‘ān*. Dār Hijr.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin ‘Isa. (1975). *Sunan al-Tirmizi*. Qāherah: Maṭba‘ah Mustāfa al-Halabi.
- Al-Zahrāni, Muhammad bin Maṭar. (1996). *Tadwīn al-Sunnah Nasy’atuhu wa Taṭawwuruhu*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
- Dakir, J. (2014). *Keberadaan al-Mawḍū‘ dalam Masyarakat Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dakir, J., Mohsin, B., Ibrahim, M., Ahmad Shah, F. (2009). Hadis Masyhur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij dan Analisis. *Jurnal Uṣūluddīn*. 29, 119-146.
- Deraman, F. (2009). Pengajian Hadis di Malaysia: Satu Tinjauan. Dlm. Abdullah M., Deraman, F., Ahmad Shah, F. (pnyt.), *Khazanah al-Quran & al-Hadis Nusantara*. (ms. 213-236). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Faisal Ahmad Shah. (2017). *Hadis Da‘īf dan Palsu: Realiti Pemakaiannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibn Abi Hātim, Abdul Rahman bin Muhammad. (1952). *Al-Jarh wa al-Ta‘dīl*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Al- Al-‘Asqalāni. (1908). *Tahzīb al-Tahzīb*. India: Maṭba‘ah Dā’irah al-Ma‘arif.

- Ibn Rajab, Abdul Rahman bin Ahmad. (2001). *Jami' al-'Ulūm wa al-Hikam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad bin Abdul Halim. (1986). *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Riyād: Universiti Imam Muhammad bin Sa'ud.
- Ismail, M. Y., Zakaria, M. Z., & Kawaid, A. I. S. D. (2011). Laman Sesawang Hadis dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian deskriptif. Dlm. Deraman, F., Suliaman, I., Ahmad Shah, F. (pnyt.), *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa* (ms. 253-264). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mālik bin Anas. (1985). *Al-Muwāṭa'*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth.
- Muhammad bin Hibbān. (1976). *Al-Majruḥīn min al-Muḥaddithīn*. Ḥalab: Dār al-Wa'y.
- Muhammad bin Sa'ad. (1990). *Al-Ṭabaqāt al-Kubra*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muslim bin al-Hajjāj. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Qāherah: Matba'ah 'Isa al-Halabi.
- Nūruddin al-'Itr. (1981). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulūm al-Hadīth*. Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Sulaiman bin Naṣir al-'Ulwān. (1996). *Al-I'lām bi wujūb al-Tathabbut fi Riwayah al-Hadīth*. t.tp. t.pt.
- Suyūṭi, Jalaluddin bin Abdul Rahman. (1974). *Tahzīr al-Khawwaṣ min Akāzib al-Quṣās*. Beirut: al-Maktab al-Islāmi.
- Yahya bin Ma'īn. (2009). *Ma'rifah al-Rijāl*. Qāherah: Dar al-Farūq.
- Zaki, M., & Buyong, M. (2011). Rancangan Televisyen yang Berunsurkan Islam di Malaysia. Dlm. Mustafa, M. Z., Mat Rahim, A., & Abidin, Z. (pnyt.), *Representasi Islam Dalam Media*. (ms. 163-174). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.